

## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN RUMUSAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Permasalahan siswazah menganggur yang semakin serius di negara ini tidak dipandang ringan oleh kerajaan. Walaupun ia menyumbangkan peratusan kecil daripada jumlah penganggur keseluruhan, pelaburan kerajaan yang tinggi terhadap golongan ini dilihat sebagai satu pembaziran sekiranya output institusi pendidikan tinggi ini tidak dapat dieksloitasi secara produktif. Oleh itu, langkah sewajarnya patut dilaksanakan untuk mengurangkan masalah ini. Bab ini akan membincangkan tentang beberapa langkah atau cadangan yang wajar dilakukan bagi mengatasi permasalahan ini di samping membuat rumusan tentang hasil kajian.

#### **5.2 Cadangan**

Salah satu daripada usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran ialah siswazah patut berdikari sebagai alternatif kepada hanya mengharapkan kerja 'makan gaji'. Ini kerana peluang pekerjaan yang sedia ada di pasaran amat terhad dan tidak dapat menampung bilangan graduan yang keluar dari institusi pendidikan tinggi pada setiap tahun. Siswazah harus berani menyahut cabaran dengan mewujudkan peluang pekerjaan sendiri seperti menceburkan diri dalam bidang pembiagaan secara kecil-kecilan. Masalah tiada modal dan pengalaman tidak lagi menjadi masalah utama kini memandangkan kerajaan, melalui Kementerian Pembangunan Usahawan sedia memberikan latihan dan pinjaman kewangan kepada mereka. Apa yang penting ialah kesungguhan dan perubahan sikap yang ingin dilakukan oleh golongan ini.

Kebanyakan siswazah yang menganggur adalah mereka yang baru menamatkan pengajian dan tidak mempunyai sebarang pengalaman kerja sedangkan majikan cenderung memilih graduan yang berpengalaman bagi mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Majikan sepatutnya mengubah persepsi mereka dan memberi keutamaan kepada graduan baru untuk menimba pengalaman membina kerjaya serta mengembangkan potensi diri. Graduan sepatutnya diberi masa untuk menyesuaikan diri dengan situasi pekerjaan. Sebagaimana dinyatakan oleh Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Anuwar Ali (Mohd Shahar et al., 2003b);

*"Para graduan bukannya tidak tahu menjalankan tugas, tetapi suasana dan keperluan di syarikat memerlukan masa untuk dipelajari dan difahami".*

Dalam sesetengah hal, majikan juga mungkin perlu melatih semula graduan supaya sesuai dengan kehendak pekerjaan di syarikat. Mereka tidak harus menganggap tindakan ini sebagai satu kerugian kepada syarikat, malah harus berfikiran positif dan menganggapnya sebagai satu pelaburan dalam usaha memajukan syarikat.

Pihak universiti di negara ini harus menilai semula peranannya sebagai penjana ilmu. Kurikulum dan kandungan pendidikan sama ada di IPTA atau IPTS harus dikaji semula supaya tidak hanya terhad kepada pendekatan teori sahaja, tetapi patut merangkumi ilmu yang dapat menjadikan graduan lebih serba boleh, mempunyai nilai pasaran dan dapat berfungsi serta menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi serta aktiviti pekerjaan. Universiti bukan sekadar berfungsi sebagai penjana ilmu *hard skil* (pengetahuan teknikal dan spesifik), tetapi sebagai platform bagi menjana *soft skil* (kemahiran interpersonal dan komunikasi) dan *competitive skil* (semangat berani mencuba, analitikal dan kritikal)

dalam diri graduan. Dengan ilmu ini, mereka tidak hanya mampu mengisi jawatan dalam bidang pengkhususan mereka, malah dapat mengadaptasikan ilmu yang diperolehi dalam bidang pekerjaan lain.

Di samping itu, aliran masuk pelajar yang terlalu ramai ke universiti, terutamanya dalam bidang Sastera patut dibendung. Pihak universiti patut menyekat jumlah pengambilan pelajar berpandukan kepada permintaan guna tenaga negara di masa hadapan. Universiti boleh mengetatkan syarat kemasukan pelajar ke bidang Sastera dan sebaliknya melonggarkan syarat kemasukan ke bidang Sains dan teknikal. Kurikulum dan kursus di universiti perlu dikaji dari masa ke semasa bagi memastikan graduan yang dikeluarkan sentiasa relevan dengan keperluan negara serta pasaran pekerjaan. Kementerian Pendidikan juga boleh memainkan peranan di peringkat awal<sup>38</sup> dengan membuat perancangan penjurusan pelajar mengikut keperluan pasaran di masa hadapan. Ini penting bagi mengelakkan peningkatan dalam pelaburan sumber manusia yang tidak produktif serta dapat mengurangkan *mismatch*.

Salah satu faktor yang dilihat meningkatkan bilangan penganggur siswazah ialah kemelesetan ekonomi. Oleh itu, bagi mengurangkan masalah pengangguran, kerajaan harus menjana pertumbuhan permintaan dengan merangsang aktiviti ekonomi dalam negara. Peningkatan dalam perbelanjaan domestik ini akan mengurangkan jumlah pengangguran apabila berlaku peningkatan dalam permintaan terhadap buruh hasil daripada penjanaan peluang pekerjaan yang banyak di pasaran.

---

<sup>38</sup> Bermula dari tingkatan empat dengan menentukan sama ada pelajar harus mengambil bidang Sains atau Sastera.

Di samping itu, pasaran pekerjaan harus lebih telus. Ini bertujuan untuk membekalkan maklumat secara langsung kepada umum, terutamanya kepada siswazah dan pihak pentadbir universiti. Sistem Maklumat Siswazah perlu ditubuhkan di setiap IPTA dan IPTS serta agensi kerajaan tertentu bagi menyempurnakan sistem maklumat pasaran. Di samping itu, penyebaran maklumat terkini tentang pasaran buruh perlu sentiasa dipergiatkan. Cara penyebaran maklumat sedia ada yang dilakukan melalui laporan bulanan, penerbitan, *homepage*, pameran, ceramah kerjaya dan kaunseling serta siaran radio dan televisyen tempatan perlu diteruskan secara lebih aktif.

Kerajaan juga boleh mengenakan pengecualian cukai terhadap sektor swasta yang menjalankan program isi penuh pekerja. Pengiraan pelepasan cukai boleh diasaskan kepada perbezaan antara purata upah semasa dengan jangkaan purata produktiviti setiap pekerja atau ditetapkan jumlahnya mengikut bilangan pekerja sebagai galakan kepada majikan swasta bagi mengisi kekosongan yang ada. Setiap pelepasan cukai ini sama ada untuk kumpulan sasar atau mana-mana individu mestilah melibatkan bersama komponen latihan. Dengan ini peluang pekerjaan dapat dipertingkatkan.

Program Pesta Kerja yang bertujuan mempertemukan pencari kerja dengan majikan secara beramai-ramai dan berdasarkan konsep temu duga terbuka<sup>39</sup> yang telah dijalankan oleh JTM patut diteruskan ke setiap negeri di Malaysia supaya dapat merapatkan jurang antara pencari kerja dan majikan.

Bagi mengatasi masalah kelemahan berbahasa Inggeris yang dihadapi pelajar, Kementerian Pendidikan mungkin patut mempertimbangkan langkah jangka panjang untuk mewujudkan semula aliran Inggeris dalam proses pembelajaran. Aliran ini patut

---

<sup>39</sup> Sebagaimana yang telah dijalankan di Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Bharu dan Ipoh.

dimulakan dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi dan meliputi keseluruhan mata pelajaran. Dengan cara ini barulah pelajar dapat menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya.

### **5.3 Kesimpulan**

Perspektif masyarakat yang melihat golongan berpendidikan tinggi sentiasa mempunyai peluang pekerjaan yang cerah selepas menamatkan pengajian tidak dapat diterima lagi kini apabila ramai daripada golongan ini didapati sukar mendapat pekerjaan. Jumlah mereka ini semakin meningkat, terutama selepas krisis kewangan 1997.

Walaupun bilangan siswazah yang menganggur hanya menyumbang kurang daripada 20 peratus daripada jumlah pencari kerja aktif keseluruhan yang berdaftar di JTM, peratusannya telah meningkat sebanyak 44 peratus sepanjang tempoh 1998-2002. Golongan penganggur siswazah paling ramai adalah wanita, berumur dalam lingkungan 20-24 tahun, dari bidang kelulusan bukan teknikal, berbangsa Melayu, lepasan institusi pengajian tinggi awam dan berkelulusan ijazah. Di samping graduan Perakaunan, Kejuruteraan, Kemanusiaan dan Sains mereka yang menamatkan pengajian pada tahun 2001 juga didapati paling ramai sukar mendapat pekerjaan. Sektor Kewangan, Insurans, Perkhidmatan Harta Benda & Perniagaan adalah sektor yang menempatkan pencari kerja paling ramai dan ini menunjukkan bahawa negara telah berada pada peringkat tertiar dalam proses pembangunannya.

Masalah pengangguran berlaku apabila graduan tidak disiapkan dengan ilmu yang dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Tiadanya hubungan (*link*) maklumat antara pasaran kerja dengan institusi pengajian tinggi telah mewujudkan *mismatch* antara permintaan dan penawaran buruh berpendidikan tinggi apabila terlalu ramai

graduan dari bidang Sastera dikeluarkan berbanding bidang Sains dan teknikal. Selain daripada peningkatan dalam jumlah graduan dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi negara, pertumbuhan ekonomi yang lembab turut mempengaruhi pengangguran apabila ia tidak dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan di pasaran. Di samping itu, kelemahan siswazah dalam menguasai bahasa Inggeris, teknologi maklumat dan komunikasi serta tidak peka tentang kepentingan memilih kursus atau jurusan pengajian telah meningkatkan lagi kadar pengangguran siswazah di negara ini.

Masalah pengangguran ini tidak dipandang ringan oleh kerajaan memandangkan ia bukan hanya membazirkan sumber negara, tetapi juga memberi kesan kepada individu yang mengalaminya. Di samping tidak mempunyai semangat dan hilang keyakinan diri, kemahiran yang dimiliki juga akan semakin berkurangan apabila ia melibatkan proses ‘menunggu’ yang panjang. Negara turut mengalami kerugian dari segi output bila mana penganggur yang sepatutnya bekerja ini tidak dapat menghasilkan barang dan perkhidmatan yang menyumbang kepada pertumbuhan KDNK. Selain itu, hasil cukai kerajaan juga akan berkurangan apabila mereka yang sepatutnya membayar cukai tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini, beberapa cadangan yang diberi harus dipertimbangkan memandangkan golongan ini amat penting dalam menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Sebagaimana yang diucapkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz pada Hari Kerjaya Universiti Kebangsaan Malaysia yang ke 18<sup>40</sup>:

---

<sup>40</sup> Dipetik daripada Azman Mamat (2002).

*"Peranan yang dimainkan oleh siswazah sebagai penggerak kemajuan dan pembangunan masyarakat pada masa depan amat besar. Golongan inilah yang akan menentukan sama ada negara akan terus maju atau sebaliknya. Siswazah merupakan golongan yang akan mencorakkan imej negara dan profil masyarakat pada masa depan. Mereka juga akan menentukan kedudukan negara kita dalam komuniti antarabangsa".*